

01 MAR 1997

Thailand-Rangkuman

LAWATAN CHAVALIT TINGKATKAN HUBUNGAN M'SIA-THAI

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Thailand Jen Chavalit Yongchaiyudh ke negara ini walaupun singkat, berjaya menyelesaikan beberapa masalah yang mencacatkan hubungan kedua-dua negara yang selama ini disifatkan sebagai mesra.

Satu daripadanya iaitu isu penandaan sempadan bersama mendapat tempat utama dalam perbincangan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Chavalit Khamis lepas.

Namun, dalam masa beberapa jam mereka bersetuju supaya pertikaian berkaitan penandaan sempadan itu yang telah berlanjutan selama 15 tahun diselesaikan dalam tempoh 60 hari.

Kedua-dua pihak bersetuju menyelesaikan masalah itu berdasarkan dua prinsip

-- menandakan sempadan tetap yang tidak akan diubah oleh perubahan sungai (yang digunakan sebagai tanda sempadan) dan membangunkan bersama kawasan sempadan yang sukar ditanda.

Malaysia dan Thailand berkongsi sempadan sepanjang 647 km yang sejak sekian lama menjadi punca kebimbangan antara kedua-dua negara.

Malaysia turut membina dua bahagian tembok iaitu di Perlis dan Kedah bagi menandakan garisan sempadan yang kadang-kala memasuki kawasan berbukit dan berlembah.

Malaysia mempertahankan pembinaan tembok itu yang dikatakan dapat membantu mengawal kemasukan penyeludup dan pendatang tanpa izin selain digunakan sebagai tanda sempadan.

Semalam, Dr Mahathir berkata Thailand akan memperketatkan pengeluaran visa transitnya kepada rakyat asing bagi membantu Malaysia mengatasi masalah kemasukan pendatang tanpa izin itu.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi turut berkata bahawa pegawai-pegawai kanan kedua-dua negara telah memulakan perbincangan untuk mencari penyelesaian mengatasi masalah kemasukan secara haram di sempadan bersama.

Mengenai hal-hal lain, kedua-dua pihak bersetuju untuk meneruskan perbincangan mengenai cadangan pembinaan sebuah jambatan darat memandangkan kedua-dua negara mempunyai rancangan masing-masing.

Sebagai negara jiran yang rapat dan anggota Asean, perdagangan di antara Malaysia dan Thailand masih boleh dipertingkatkan memandangkan jumlah dagangan dua hala pada tahun lepas bernilai kira-kira RM13 bilion.

Duta Thailand ke Malaysia Suchitra Hiranprueck berkata dari Januari hingga November tahun lepas, Thailand mengeksport barangan bernilai 46,311 juta baht ke Malaysia dan mengimport barangan bernilai 84,440 juta baht yang terdiri daripada minyak mentah, hasil kayu, peralatan komputer, tiub sinaran katod dan barangan elektrik. (100 baht = RM10.30)

Untuk menggalakkan lagi perdagangan, kedua-dua negara bersetuju mewujudkan sebuah jawatankuasa bersama perdagangan, majlis bersama perniagaan dan menghidupkan semula jawatankuasa bersama mengenai pertanian.

Chavalit, dalam ucapannya pada satu perhimpunan anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan dan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd semalam, turut menjemput lebih banyak pelaburan secara terus ke Thailand oleh Malaysia.

Abdullah menyimpulkan lawatan Chavalit dengan berkata: "Banyak yang telah dicapai dalam masa dua hari lawatannya itu, dan ini menunjukkan kedua-dua pemimpin mempunyai persefahaman yang baik." -- BERNAMA

MAM HJ